

# DIALEK MELAYU PEKAN: PENGGUNAAN DAN PENGEKALAN

*Marlyna Maros*

marlyna@pkriscc.ukm.my

Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

## Abstrak

Artikel ini bertujuan memerikan keadaan penggunaan dan pengekalan dialek Melayu Pekan di negeri Pahang dewasa ini. Usaha ini bertolak daripada pemerhatian rawak dan anggapan awal penulis bahawa dialek ini tiada identiti tersendiri kerana di daerah ini seringkali bertemu dengan penutur yang bertutur sama ada dalam variasi dialek Kelantan, Terengganu, atau bahasa Melayu standard. Penulis beranggapan bahawa migrasi dan pertembungan bahasa telah memberikan perubahan kepenggunaan dialek Melayu Pekan yang asli. Dialek ini mungkin sedang mengalami era peralihan apabila wadah linguistik penutur aslinya bertambah hasil pertembungan bahasa dengan penutur dialek yang lain. Faktor ekonomi dan pekerjaan juga memainkan peranan yang penting dalam penggunaan dialek ini. Ketiga-tiga faktor ini berkait rapat dengan kesan modenisasi yang menuntut individu dan komuniti bersaing untuk kedudukan sosial yang lebih tinggi. Perbincangan dalam artikel ini berdasarkan data leksikal yang diperoleh melalui wawancara dengan golongan penutur Melayu Pekan dari lingkungan umur dua puluhan hingga tujuh puluhan. Data tersebut mungkin ada kekurangannya, tetapi cukup untuk menjelaskan secara empirikal persoalan yang asal terhadap kepenggunaan dialek ini. Dapatan dibincangkan dengan menggunakan konsep dalam kerangka Jaringan Sosial oleh Milroy (1980) dan faktor perubahan ekonomi, status, demografi, dan sokongan institusi dalam diskusi peralihan bahasa oleh Giles *et al.* (1977) dan Appel dan Muysken (1987). Isi makalah ini boleh menyumbang kepada kajian dialek di Malaysia amnya dan status dialek Melayu Pekan khasnya untuk isu perubahan bahasa kesan modenisasi.

Kata kunci: jaringan sosial, vernakular, peralihan bahasa, pengekalan bahasa, kepadatan jaringan

**Abstract**

*This article aims to explain the current usage and continuance of the Pekan dialect in Pahang. The writer's interest in this field of research was spurred by her random observation that most Malay speakers in Pekanspoke variations of Kelantanese, Terengganu, or standard Malay. The writer assumed that migration and language contact situations contributed to changes in the usage of Pekan's original dialect. The dialect may be in a transitional stage as the native speakers' linguistic repertoire increases with contact from other varieties of the Malay language. Economic and vocational factors also play an important role in the dialect's usage. All three factors interact closely as a result of modernisation which leads individuals and communities to seek upward social mobility. The analysis in this article is based on lexical data gathered through interviews with Pekan speakers aged between 20 and 70. Notwithstanding possible limitations, data gathered is adequate to answer empirically the research questions postulated. Findings were related to concepts contained in the Social Network Model of Milroy (1980) and to changes in the economic, social status, demographic, and institutional support factors that form part of the discussion of language change by Giles et al. (1977) and Appel and Muysken (1987). The article contributes to the discourse on dialect studies in Malaysia and, specifically, to the status of the Pekan dialect, particularly with regard to the issue of language change and modernisation.*

*Keywords: sosial network, vernacular, language change, perpetuation of language, network density*

**PENGENALAN**

Geografi dialek Pahang terbahagi kepada tiga kawasan utama mengikut arah Sungai Pahang mengalir iaitu:

1. Hulu Sungai Pahang: Dialek Jerantut, Lipis, Bentong dan Raub (dituturkan dengan cepat dari segi kelajuan percakapan).
2. Pertengahan Sungai Pahang: Dialek Temerloh (dituturkan secara sederhana dari segi kelajuan percakapan).
3. Hilir Sungai Pahang: Dialek Chenor dan Pekan (dituturkan dengan perlahan dari segi kelajuan percakapan).

Menurut Nor Azhar Ahmad ([http://azharahmad.com/blog/moh-wei-ke-phg/2 Mac 2008](http://azharahmad.com/blog/moh-wei-ke-phg/2Mac2008)) dan Mokhtar Haji Mansor (<http://www.revolusibahasa.blogspot.com/23november2008>), dialek Melayu Pahang unik kerana setiap daerah ada ciri-ciri penyebutannya yang tersendiri berdasarkan kedudukan daerah tersebut dengan Sungai Pahang. Kawasan hulu Sungai Pahang mempunyai pertuturan yang lebih laju berbanding kawasan hilir kerana aktiviti ekonomi dan cara hidup yang menghasilkan pertuturan yang sedemikian. Contohnya, menurut Mokhtar Hj Mansor (2008), mereka yang datang dari hilir Sungai Pahang perlu bertutur laju kerana menuruti arus sungai yang laju. Sungai merupakan saluran utama perhubungan dalam komuniti bahasa ini dan pertuturan yang lambat dengan suku kata yang lebih panjang akan membuatkan mereka “lambat” menyampaikan sesuatu maksud atau memperoleh rezeki kerana akan “ditinggalkan” oleh arus yang laju itu. Perbincangan oleh Mokhtar Hj Mansor ini bersifat metafora kehidupan yang menarik dan relevan untuk dikaitkan dengan status dan penggunaan dialek Melayu Pahang sekarang ini.

Dalam konteks linguistik, Asmah Haji Omar (1988) telah memberikan perincian fonologi dialek Melayu Pahang di kawasan yang disebutkan di atas. Artikel ini tidak akan menambah perincian tersebut, tetapi akan menyumbang kepada pengetahuan tentang penggunaan terkini salah satu dialek Melayu Pahang, iaitu dialek Melayu Pekan. Dialek ini dipilih untuk artikel ini kerana dianggap sebagai dialek Melayu Pahang yang standard. Hal ini disahkan dengan kedudukan Pekan sebagai Bandar Diraja Pahang, oleh itu dialek ini menjadi rujukan bagi daerah-daerah lain (Asmah, 1988:242). Sewajarnya untuk kajian yang melihat kepada penggunaan dialek dari perspektif perubahan dan pengekalan bahasa, dialek ini menjadi kayu ukur kerana status standard dan pengaruhnya di Pahang.

Bahan linguistik yang menjadi pengukur penggunaan dialek ini ialah kosa kata atau leksem kerana menurut Wolfram (1991) perbezaan dialek dapat dilihat dengan jelas melalui kosa kata. Pengumpulan kosa kata atau leksem merupakan cara yang lazim dalam membuat profil sesebuah dialek (Wolfram, 1991:16).

## **LATAR BELAKANG KAJIAN**

Sebagaimana yang dinyatakan, penulisan artikel ini bertolak daripada pemerhatian dan anggapan penulis bahawa dialek Melayu Pahang tidak menyerlah penggunaannya walaupun dalam kalangan penutur asli

Pahang sendiri. Pemerhatian ini berdasarkan pengalaman penulis bergaul dengan mereka yang berasal dari Pahang, sebahagiannya dari Pekan, dan pengalaman berkunjung ke negeri itu. Penggunaan yang tidak menyerlah ini ada kaitan dengan nilai dialek itu yang tergugat kerana pengaruh jaringan sosial penuturnya yang merentas negeri dan keperluan hidup. Modenisasi menuntut penutur dialek berasimilasi dengan keadaan kebahasaan untuk mobiliti sosial dan ekonomi.

Penulis memutuskan untuk membuat pengumpulan data secara sistematik bagi membolehkan membuat rumusan yang empirikal tentang pandangan itu. Kaedah pengumpulan data melalui wawancara dua golongan umur penutur dialek Melayu Pekan dengan menggunakan senarai awal leksem yang diperoleh daripada penutur dialek tersebut yang merupakan pelajar kepada penulis. Rincian proses pengumpulan data adalah seperti yang berikut:

1. Membuat pemilihan kawasan kajian dan rasionalnya. Kawasan yang dikaji ialah Pekan dan rasionalnya telah dihuraikan di atas.
2. Menemu bual tiga orang pelajar tahun dua yang berasal dari Pekan untuk mendapatkan senarai awal leksem dialek Pekan. Senarai ini digunakan sebagai asas mendapatkan tambahan leksem daripada kerja lapangan. Sebanyak 30 leksem berjaya diperoleh pada peringkat awal ini.
3. Mewawancara 10 orang daripada golongan umur 45 hingga 70 tahun yang berbeza latar, jantina, status sosial dan pekerjaan melalui telefon, di pasar malam, dan di rumah responden. Wawancara ini bertujuan untuk memastikan kewujudan leksem dialek Pahang dalam senarai tersebut dan menambah leksem atau variasi yang mereka gunakan seharian. Pada setiap wawancara, senarai leksem yang bertambah itu dikenal pasti oleh responden sama ada senarai tersebut benar-benar dialek Melayu Pahang atau tidak. Sekurang-kurangnya enam responden perlu bersetuju dengan kesahihan kewujudan sesebuah leksem itu agar senarai yang ada hasil wawancara tersebut dapat disahkan kebenarannya sebagai mewakili dialek Melayu Pekan. Pada akhir aktiviti wawancara, sebanyak 130 senarai leksem yang diperoleh digunakan sebagai bahan ujian untuk langkah seterusnya.
4. Mewawancara golongan muda, 14 hingga 27 tahun, menggunakan 130 leksem yang tersedia itu. Seramai 50 orang responden yang berlainan jantina, status kekeluargaan, tahap pelajaran dan pekerjaan dari Pekan dan sekitar Kuala Lumpur mengambil bahagian dalam proses ini. 30

daripada mereka tinggal di Pekan dan 20 lagi di pelbagai lokasi dalam radius 40 minit sekitar Kuala Lumpur. Tujuan wawancara adalah untuk melihat sama ada golongan ini kenal akan dialek tempat asal mereka berpandukan leksem tersebut atau tidak.

5. Kumpulan ini diberikan senarai 130 leksem itu dalam bahasa Melayu dan diminta untuk menterjemahkannya kepada dialek Melayu Pekan. Sekiranya mereka tidak mengetahui terjemahannya, penyelidik memberitahu variasi Pekan tersebut dan meminta pengesahan sama ada mereka pernah mendengarnya atau tidak. Sekiranya respons mereka positif, maka dialek tersebut dikira wujud dalam kognisi mereka.
6. Wawancara di sekitar Kuala Lumpur tidak semuanya dilakukan secara bersemuka kerana jarak dan masa yang terhad. 17 daripada 20 wawancara dilakukan secara dalam talian, tanpa sebarang masalah.

Daripada data ini, penulis boleh mengesahkan pemerhatiannya secara empirikal tentang identiti dialek Pahang, dan menghubungkaitkan dapatan dengan kesan modenisasi terhadap perubahan bahasa atau pengejalan dialek.

## **DAPATAN**

Hasil wawancara dengan 10 orang penduduk tua di Pekan, berikut disenaraikan kosa kata yang disahkan sebagai leksem dialek Melayu Pekan. Keseluruhan 130 kosa kata adalah seperti dalam Lampiran hlm. 89-97.

### **Dapatan daripada Golongan 47 hingga 70 Tahun di Pekan**

Tujuan mewawancara golongan ini adalah untuk mendapatkan leksem Pekan. Kesahan dilakukan dengan menguji kembali tambahan senarai leksem dalam kalangan mereka ini. Mereka terdiri daripada penutur dialek Pekan lelaki dan perempuan dengan pelbagai latar pekerjaan. Didapati ramai yang mengetahui item daripada senarai yang diberikan. Skor yang paling sedikit ialah 100 item daripada jumlah 130, iaitu 77 peratus daripada seorang pekerja kerajaan lelaki dalam lingkungan umur yang paling muda dalam kumpulan ini. Selebihnya, hampir enam orang mengenal pasti semua 130 leksem itu sebagai kosa kata dalam dialek Pekan.

**Jadual 1** Kesahan pengetahuan kosa kata atau leksem daripada golongan 47 hingga 70 tahun.

No.	Umur	Jantina	Pekerjaan	Bilangan leksem yang diketahui
1	45	L	Pekerja kerajaan	100/130
2	45	P	Guru	102/130
3	50	L	Pegawai bank	115/130
4	52	P	Suri rumah	120/130
5	57	L	Pegawai kerajaan	129/130
6	60	L	Suri rumah	130/130
7	66	P	Peniaga pasar malam	130/130
8	69	P	Peniaga pasar malam	130/130
9	70	L	Peniaga pasar malam	130/130
10	70	L	Peniaga pasar malam	130/130

Berikut pula diberikan leksem yang mendapat hanya 6/10 kesahan daripada kumpulan ini, iaitu kosa kata yang disahkan oleh enam daripada 10 responden tersebut. Item di bawah ini boleh diuji lagi kesahannya sebagai leksem dialek Melayu Pekan dalam kajian yang selanjutnya.

**Jadual 2** Leksem yang mendapat persetujuan 6/10 daripada responden.

No.	Bahasa Melayu Standard	Leksem Pekan
13	Gula-gula	Buah gula
18	Suka kepada barang, bukan orang	Berahi
44	Beg plastik	Jabir
70	Menggelupur	Mengelice
81	Amat masam	Masam mencekut
83	Jalan dalam semak tanpa tujuan	Merepau
98	Makan dengan gelojoh	Polok
117	Kotoran di badan	Sempelet
130	Tudung saji	Tudung sangei

### Dapatan daripada Golongan Muda 14 hingga 27 Tahun

Tujuan mewawancara golongan muda adalah untuk mengetahui jumlah leksem dialek tempat asal mereka, yang ada dalam kosa kata mereka, atau yang masih digunakan oleh mereka. Responden merupakan remaja dan belia daripada pelbagai latar dan pekerjaan. 30 orang daripada mereka (terutamanya remaja) menjalani komunikasi harian di Pekan, sementara 20 lagi berada di sekitar Kuala Lumpur.

**Jadual 4** Pengetahuan item leksikal/kosa kata/leksem golongan umur 14 hingga 27 tahun.

No.	Umur	Jantina	Pekerjaan	Bilangan leksem yang diketahui	Peratus leksem yang diketahui
1	14	L	Pelajar	101/130	77.7%
2	14	L	Pelajar	98/130	75.4%
3	14	L	Pelajar	121/130	93.1%
4	15	P	Pelajar	130/130	100%
5	15	P	Pelajar	100/130	76.9%
6	15	P	Pelajar	92/130	70.8%
7	16	P	Pelajar	121/130	93.1%
8	16	P	Pelajar	112/130	86.2%
9	17	L	Pelajar	129/130	99.2%
10	17	P	Pelajar	115/130	88.5%
11	18	L	Pelajar	97/130	74.6%
12	18	L	Pelajar	127/130	97.7%
13	19	P	Pelajar	130/130	100%
14	19	P	Pelajar	92/130	70.8%
15	19	L	Pelajar	118/130	90.8%
16	19	M	Pelajar	122/130	93.9%
17	20	M	Mekanik	105/130	80.8%
18	20	P	Pelajar	109/130	83.9%
19	20	P	Pelajar	127/130	97.7%
20	21	P	Pelajar	128/130	98.5%
21	21	P	Pekerja kilang	117/130	90.0%
22	21	L	Pelajar	94/130	72.3%
23	22	L	Pembantu pejabat	75/130	57.7%
24	22	P	Kerani	87/130	66.9%
25	22	P	Pelajar	91/130	70.0%

## DIALEK MELAYU PEKAN

No.	Umur	Jantina	Pekerjaan	Bilangan leksem yang diketahui	Peratus leksem yang diketahui
26	22	L	Pelajar	100/130	76.9%
27	22	L	Pelajar	96/130	73.9%
28	22	L	Pelajar	86/130	66.2%
29	22	P	Pembantu tadika	73/130	56.2%
30	22	P	Pelajar	93/130	71.6%
31	23	L	Pelajar	102/130	78.5%
32	23	L	Pekerja kilang	78/130	60.0%
33	23	P	Kerani	69/130	53.1%
34	23	P	Pelajar	91/130	70.0%
35	23	L	Pelajar	76/130	58.5%
36	23	L	Guru	83/130	63.9%
37	24	L	Pelajar	89/130	68.5%
38	24	P	Pembantu kedai buku	69/130	53.1%
39	24	P	Akauntan	102/130	78.5%
40	24	P	Suri rumah	112/130	86.2%
41	25	L	Pegawai bank	97/130	74.6%
42	25	P	Suri rumah	82/130	63.1%
43	25	L	Ahli perniagaan	75/130	57.7%
44	25	P	Suri rumah	128/130	98.5%
45	26	L	Petani moden	130/130	100%
46	26	P	Jururawat	110/130	84.6%
47	27	L	Doktor gigi	63/130	48.5%



No.	Umur	Jantina	Pekerjaan	Bilangan leksem yang diketahui	Peratus leksem yang diketahui
48	27	L	Ahli perniagaan	99/130	76.2%
49	27	P	Suri rumah	59/130	45.4%
50	27	L	Konduktor bas	130/130	100%

## PERBINCANGAN

Dapatan di atas dibincangkan berpandukan konsep multipleksiti dan kepadatan dalam kerangka jaringan sosial yang dikemukakan oleh Milroy (1980) dan beberapa faktor yang mengancam pengekaln dialek.

Kerangka jalinan sosial mengulas tentang pengekaln jalinan hubungan sesama individu, sama ada hubungan rasmi atau tidak. Dalam konteks dialek, Milroy mengemukakan hipotesis bahawa penggunaan bentuk vernakular berlaku pada tahap integrasi yang positif bagi seseorang penutur dalam komunitinya. Beliau memberikan dua kriteria penting untuk menggambarkan jaringan, iaitu kepadatan dan multipleksiti (*multiplexity*). Kepadatan jaringan bermaksud bilangan kenalan dalam jaringan. Dalam jaringan berkepadatan rendah, individu biasanya mengenali ahli utama tetapi tidak satu sama lain. Dalam jaringan berkepadatan tinggi, individu mengenali satu sama lain dan berinteraksi secara tetap. Multipleksiti pula merujuk kepada pengisian atau kualiti hubungan jaringan. Individu dalam hubungan multipleks mempunyai lebih daripada satu jenis fungsi hubungan, iaitu sebagai teman sekerja, saudara, rakan, jiran, ahli kelab, dan sebagainya. Hubungan satu fungsi dikenali sebagai unipleks, contohnya, hubungan sebagai rakan sekerja semata-mata.

Kajian menunjukkan bahawa jaringan multipleks bertindak sebagai mekanisme penguatkuasaan norma perlakuan kepada ahli jaringan tersebut yang merangkumi cara berpakaian, berkelakuan, dan berbahasa.

Selain faktor jaringan sosial, kekurangan pengetahuan leksem dialek Melayu Pekan dalam kalangan penuturnya sendiri ini berlaku disebabkan juga oleh faktor yang mempengaruhi pengekaln sesebuah dialek. Faktor ini juga dibincangkan dalam perbincangan peralihan bahasa dan faktor tersebut terkumpul dalam kategori perubahan ekonomi, status, demografi dan

sokongan institusi atau pentadbiran (Giles *et al.*, 1977, Appel dan Muysken, 1987: 32-45). Untuk penutur sebarang dialek yang bukan bahasa standard, peralihan bahasa ialah suatu fenomena moden atau global yang mengancam usaha pengekalan nilai sesebuah dialek. Perbincangan dapatan akan dikaitkan dengan kedua-dua konsep dan faktor yang disebutkan di atas.

### **Kumpulan Umur 47 hingga 70 Tahun**

Dapatan kajian menunjukkan golongan ini masih menggunakan dialek Melayu Pekan dengan aktif. Walau bagaimanapun, sebahagian kecil daripada mereka tidak mengetahui kewujudan semua leksem tersebut. Mereka terdiri daripada individu dalam lingkungan umur 45 (2 orang) dan awal lima puluhan. Beberapa faktor boleh dijadikan sebab kosa kata mereka kurang daripada mereka yang berada dalam lingkungan umur 60 hingga 70 tahun.

Sebab utama adalah kerana golongan umur 45 tahun dan awal lima puluhan ini masih aktif dalam pekerjaan sebagai guru, pegawai kerajaan, dan pegawai perbankan. Kerjaya ini memerlukan mereka berinteraksi secara rasmi dan tidak rasmi dengan penutur daripada pelbagai latar. Hubungan dengan individu yang pelbagai latar itu mempunyai lebih daripada satu fungsi. Contohnya, seorang guru dengan guru yang lain mempunyai hubungan sebagai rakan sekerja, dan di luar ranah kerja pula mereka merupakan jiran dalam satu kawasan perumahan yang sama. Oleh itu, jaringan mereka bersifat berkepadatan tinggi dan multipleks. Jaringan sebegini mempengaruhi penggunaan bahasa yang tidak tertakluk pada dialek Melayu Pekan semata-mata, malahan bahasa Melayu standard dan juga dialek dari negeri atau kawasan berhampiran juga turut digunakan. Hal ini selanjutnya mempengaruhi jumlah kosa kata yang diketahui oleh mereka.

Selain itu, mereka yang dalam lingkungan empat puluhan dan lima puluhan itu pernah tinggal di luar Pekan untuk tujuan belajar dan bekerja sebelum pulang bermastautin di tempat asal mereka. Mereka mempunyai pasangan hidup yang bukan berasal dari daerah Pekan. Faktor ini menyumbang kepada kurangnya kompetens mereka dalam kosa kata dialek Pekan kerana bahasa pertuturan mereka banyak dipengaruhi oleh pengalaman mereka berada di luar Pekan dan bahasa pasangan hidup mereka.

Akhir sekali, golongan enam puluhan hingga tujuh puluh tahun arif dengan semua leksem yang tersenarai kerana mereka menghabiskan seluruh hidup mereka hanya di Pekan. Mereka merupakan penduduk tetap Pekan dan mempunyai kenalan daripada kalangan penduduk Pekan,

memulakan kehidupan sebagai petani kemudian berniaga di pasar malam, dan berkahwin dengan penduduk tempatan. Dalam konteks jaringan sosial, mereka mempunyai tahap integrasi yang positif dengan kepadatan jaringan yang pelbagai atau multipleks dalam kalangan penduduk Pekan. Oleh itu, dialek Melayu Pekan mereka kekal dengan fungsinya sebagai wadah wacana sosial dan ekonomi.

### **Kumpulan Umur 14 hingga 27 Tahun**

Seramai 50 orang daripada kumpulan umur muda bekerjasama memberikan maklumat untuk kajian ini. Mereka terdiri daripada suri rumah, pelajar sekolah, pelajar universiti, pekerja kilang, dan pelbagai lagi jenis pekerjaan (sila lihat Jadual 3). Pengetahuan kosa kata Pekan mereka tidak menunjukkan keseragaman. Contohnya, ada pelajar yang mengetahui semua atau hampir semua, iaitu 90 hingga 99 peratus leksem dalam senarai tersebut. Ada yang hanya mengetahui 50 hingga 70 peratus sahaja. Begitu juga dengan mereka yang bekerja, ada yang mengetahui semuanya (konduktor bas) atau hampir semuanya (jururawat – 84 peratus), tetapi lebih ramai daripada golongan yang bekerja mengetahui sekitar 40 hingga 60 peratus sahaja daripada leksem yang tersenarai. Pola ini boleh dihuraiakan seperti yang berikut:

Kumpulan pelajar yang terlibat terdiri daripada dua peringkat pengajian, iaitu sekolah menengah dan universiti. Dalam Jadual 3, senarai 1 hingga 10 merupakan pelajar yang berasal dari pedalaman Pekan dan tinggal di asrama sebuah sekolah menengah di bandar itu. Wawancara berlaku di pasar raya semasa mereka sedang membeli-belah. Secara keseluruhan mereka menunjukkan skor yang tinggi kerana membesar dalam kawasan penggunaan dialek Melayu Pekan yang digunakan secara meluas di pedalaman. Jaringan sosial mereka sebelum menjejaskan kaki ke bandar terdiri daripada kenalan dan keluarga yang menggunakan dialek ini dalam segenap interaksi. Di samping itu, perpindahan ke bandar tidak begitu menggugat penggunaan dialek tersebut kerana kepadatan jaringan yang tinggi, dan mereka masih berada dalam daerah Pekan. Kepadatan jaringan yang tinggi membuka banyak laluan untuk mereka terus menggunakan variasi Pekan sesama mereka, dengan itu mengekalkan nilai dan identiti dialek tersebut.

Senarai 22 hingga 31 dalam Jadual 3 terdiri daripada pelajar universiti di sekitar Kuala Lumpur. Dua daripada pelajar ini merupakan ahli Kelab Pekan, iaitu sebuah anak persatuan Mahasiswa Pahang di Universiti

Kebangsaan Malaysia (UKM). Sungguhpun kumpulan 22 hingga 31 ini berasal dari Pekan, mereka kurang bertutur dalam dialek itu walaupun dalam jaringan sosial Pahang atau Pekan kerana kesukaran memahami satu sama lain. Menurut mereka, menggunakan bahasa Melayu atau dialek Kuala Lumpur lebih memudahkan komunikasi sesama mereka. Alasan ini ada kebaikannya kerana ini menunjukkan penutur mengutamakan faktor ekonomi masa dalam menyampaikan maksud interaksi. Hal ini selaras dengan seruan Mokhtar Hj Mansor (2008) agar kaum Melayu mengurangkan beban perkataan dalam pertuturan untuk mengekonomikan masa agar lebih produktif. Tujuan interaksi adalah untuk memahami maksud penuturan, oleh itu, adalah lebih praktikal menggunakan bahasa yang difahami bersama daripada menggunakan bahasa daerah yang tidak semestinya difahami oleh penutur asli variasi itu. Dalam konteks pelajar di institusi pengajian tinggi, fenomena kurang minat untuk bertutur dalam bahasa daerah semakin meningkat (komunikasi personal penulis dengan pelajar UKM) kerana faktor kewajaran dan masa. Soal mengenalkan identiti kedaerahan melalui pertuturan bukan perkara utama dalam kehidupan mereka. Dari segi pengekalan bahasa atau dialek, amalan ini boleh menjejaskan nilai sesebuah dialek dan menambah kemungkinan kepupusannya suatu masa nanti.

Suri rumah dan responden yang bekerja di daerah Pekan juga menunjukkan pola pengetahuan leksem yang menarik. Kajian telah menunjukkan bahawa wanita merupakan ejen perubahan bahasa (Labov, 1972, Gal, 1979). Sekiranya ada pilihan untuk mengekalkan dialek daerah atau menggunakan variasi yang standard, mereka akan memastikan bahawa yang standard menjadi pilihan dalam pertuturan (Trudgill, 1983, Milroy, 1980). Mereka juga memastikan penggunaan bahasa yang standard dalam penjagaan dan pendidikan anak-anak (Holmes, 2007; Trudgill, 1974, 1975). Dalam kajian ini, suri rumah di Pekan tidak menunjukkan pengetahuan kosa kata yang mengagumkan sedangkan jaringan sosial mereka berkemungkinan besar melibatkan ramai kenalan dan saudaramara daripada kalangan penutur asli Pekan sendiri. Berbanding dengan suri rumah, jururawat lebih mengenali kosa kata Pekan yang berkemungkinan kerana pekerjaannya yang memerlukan banyak komunikasi dengan pesakit menggunakan dialek itu, penutur asli Pekan. Suri rumah yang berkenaan menunjukkan kemungkinan peranan wanita sebagai ejen perubahan bahasa adalah universal. Walau bagaimanapun, satu kajian yang lebih fokus terhadap persoalan ini perlu dilaksanakan untuk menegaskan pernyataan tersebut.

## KESIMPULAN

Artikel ini bertujuan untuk memerikan keadaan penggunaan dan pengekaln dialek negeri Pahang dewasa ini. Penulis melakukan kajian ini bagi mendapatkan bukti empirikal tentang anggapan penulis bahawa dialek Pahang ketiadaan identiti sendiri kerana sukar didengar penuturan variasinya. Perkara yang dibentangkan dalam artikel ini ialah perspektif sosial dialek negeri ini, dengan fokus kepada Pekan. Dengan menggunakan pendekatan pengetahuan kosa kata, jaringan sosial, dan faktor peralihan atau pengekaln bahasa, penulis dapat membuat beberapa rumusan tentang penggunaan dan pengekaln dialek ini. Antaranya:

1. Anggapan penulis bahawa dialek Melayu Pahang tidak menyerlah tersangkal dengan perolehan daftar 130 kosa kata daripada dialek Melayu Pahang variasi Pekan. Kosa kata ini mewakili bilangan yang agak banyak dan masih aktif penggunaannya dalam kalangan penutur asli Pekan, terutamanya yang berusia lebih lima puluhan. Hal ini bermakna, sekiranya seseorang bergaul dengan golongan ini di Pekan, kemungkinan besar beliau tidak beranggapan seperti penulis pada awal kajian ini.
2. Penutur asli Pekan yang masih muda berbahagi pengetahuan kosa kata mereka dalam bahasa ibunda mereka ini. Mereka yang mengetahui hampir keseluruhan 130 leksem itu sama ada berasal dari kawasan pedalaman sebelum belajar di Pekan, atau menjalani pekerjaan yang memerlukan mereka banyak berhubungan dengan golongan yang menuturkan variasi tersebut, contohnya, jururawat. Oleh itu, variasi Pekan ialah variasi yang digunakan oleh mereka yang kurang bertembung dengan bahasa dan budaya dari luar Pekan.
3. Penutur asli Pekan yang sedang dan pernah berada di luar Pekan, lebih gemar menggunakan bahasa Melayu berbanding dengan dialek mereka. Perkara ini disahkan oleh sebahagian daripada informan yang terlibat bagi memudahkan komunikasi kerana tidak semua kosa kata Pekan difahami oleh mereka yang sama-sama berasal dari Pekan. Mereka berasa bahawa mereka dapat mengelak daripada masalah salah faham dan tidak perlu menghabiskan banyak masa merundingkan maksud dalam interaksi dengan menggunakan bahasa Melayu standard.
4. Kesimpulan daripada tiga rumusan di atas ialah penggunaan dialek Melayu Pekan terhad kepada jaringan sosial yang padat oleh kumpulan penutur yang berusia dan yang tidak multipleks dari segi variasi

penggunaan harian. Penggunaannya juga terhad kerana tidak ramai penutur asli yang masih muda mengetahui daftar leksem yang ada dalam dialek mereka. Kedua-dua perkara ini merupakan fenomena yang biasa dialami oleh sesuatu dialek apabila penutur aslinya mula menebarkan jaringan kenalan dan kegiatan ekonomi di luar kawasan dialek mereka. Pertembungan dengan bahasa dan budaya asing boleh menguatkan semangat ingin mengekalkan identiti diri melalui pelbagai manifestasi, termasuk penggunaan dialek, dan boleh juga membuatkan penutur asli mahu berasimilasi dengan budaya yang lebih dominan. Apabila asimilasi lebih kuat daripada kemahuan mengekalkan identiti, bahasa ibunda turut akan terasimilasi dan lama-kelamaan sukar untuk dikenal pasti.

Sebagai penutup, data dan perbincangan menunjukkan bahawa tanggapan penulis berkenaan dengan kurang menyerlahnya dialek Pahang hampir benar. Sungguhpun begitu, daftar kosa kata Pekan diperoleh daripada sepuluh orang informan yang separuh daripadanya telah berusia lebih setengah abad. Bagaimanapun, informan tersebut semuanya tinggal di kawasan perbandaran Pekan. Sekiranya kajian dilanjutkan ke kawasan lain di Pekan, mungkin lebih banyak lagi penutur asli yang telah berumur boleh memberikan lebih banyak kosa kata dialek tersebut. Dengan ini, usaha menjejak dialek ini akan memberikan hasil yang lebih memuaskan berbanding dengan hasil yang diperoleh dalam kajian ini. Dalam masa yang sama, walaupun usaha ini mungkin sekadar mendeskripsikan tipografi dialek ini secara linguistik untuk dikenang oleh generasi Pekan yang akan datang dan penuntut bidang linguistik amnya, tetapi penggunaannya masih dalam bentuk tanda tanya.

## RUJUKAN

- Asmah Haji Omar, 1988. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gal, S., 1979. *Language Shift: Social Determinants of Linguistic Change in Bilingual Austria*. New York: Academic Press.
- Giles, H. *et al.*, 1977. "Toward a Theory of Language in Ethnic Group Relations" dlm. H. Giles (ed.), *Language and Intergroup Relations*. London: Academic Press.
- Appel R. dan P. Muysken, 1987. *Language Contact and Bilingualism*. London: Arnold.
- Holmes, J., 2007. *An Introduction to Sociolinguistics*. United Kingdom. Pearson Education Limited.

MARLYNA MAROS

Labov, W., 1972. *Sociolinguistic Patterns*. Philadelphia: University of Pennsylvania Press.

<http://azharahmad.com/blog/moh-wei-ke-phg/> 2 March 2008

Milroy, L., 1980. *Language and Social Networks*. Oxford: Basil Blackwell.

Mokhtar <http://www.revolusibahasa.blogspot.com/23november2008>

Trudgill, P., 1974. *The Social Differentiation of English in Norwich*. Cambridge: Cambridge University Press.

Trudgill, P., 1975. *Accent, Dialect and the School*. London: Edward Arnold.

Wolfram, W., 1991. *Dialects and American English*. New Jersey: Prentice Hall.

## LAMPIRAN

Senarai leksem yang dikumpulkan dan digunakan untuk mendapatkan frekuensi kepenggunaannya dalam kalangan penutur asli Pekan dari pelbagai latar diri.

### Keseluruhan 130 Kosa Kata

No.	Bahasa Melayu	Dialek Pekan	Contoh ayat
1	Awak	Aok, Awok	Sape name <b>aok</b> ?
2	Abah	Aboh	<b>Aboh</b> aok keje mende?
3	Ayah	Ayoh	<b>Ayoh</b> aok ade kat umoh dok?
4	Degil	Babir	<b>Babir</b> betul la aok ni.
5	Terlampau	Bapok	<b>Bapok</b> lawanya jam yang aok bagi ni.
6	Gotong-royong	Berderau	<b>Berderau</b> akan di adakan di sugha ahad ni.
7	Pukul	Bahan	<b>Bahan</b> kuat sket. Bior mampuih.
8	Kenapa	Bakpe	<b>Bakpe</b> nye anak aok tu nangis?
9	Tidak berbaju, hanya berseluar	Berlengging	Aok ni tok malu ke dok <b>berlengging</b> je depan orang?
10	Berminyak	Berlemin	Sape yang basuh pinggan tok bersih ni, <b>berlemin</b> lagi?
11	Gatal	Biroh	Jangan la buat <b>biroh</b> sangat nanti takde sape yang berkenan.
12	Nakal	Buas	Jangan la <b>buas</b> sangat, jatuh karang.
13	Gula-gula	Buah gula	Mok, nak senghelen sket. Nak beli <b>buah gula</b> .
14	Letak	Buboh	<b>Buboh</b> barang hok kita beli tadi ataih meja.
15	Berbual	Borok	Aok <b>borok</b> mende tadi weih, rancak kawan nampok?



No.	Bahasa Melayu	Dialek Pekan	Contoh ayat
16	Sopan-santun, cermat	Beraluih/ beralus	Mok suka benor ngan si Tipah tu.. <b>beraluih</b> budaknya.
17	Baiki	Bela	Bila aok nok <b>bela</b> TV tu?
18	Suka kepada barang bukan orang	Berahi	<b>Berahinya</b> kawan nengok baju baru aok ni, nanti koi nak beli gok la.
19	Bergaduh mulut	Bertonyeh	Aok sume ni pantang jumpe, <b>bertonyeh</b> je kejenye, mamun mok mendengornye.
20	Tipu	Bedo'oh	<b>Bedo'oh</b> tul aok ni. Mane ada Michael Jackson nok datang Malaysia.
21	Awalan kepada perbuatan	Ce	<b>Ce</b> aok cuba dulu rasa gulei mok ni.
22	Membimbit	Cebet	Tolong <b>cebet</b> ket beig akok ni, berat nok bawoknye.
23	Gayung	Cebok	<b>Cebok</b> hok kaler merah samar tu ayoh aok baru beli.
24	Bosan	Cemuih	Mende la nok buat ari ni, <b>cemuih</b> dah koi dok umoh.
25	Mual, muntah dan perut memulas	Chike	Tu la, makan lagi banyak ngat mende, kan dah <b>chike</b> .
26	Cukai	Cokei	Pok cik jangan lupe bayor <b>cokei</b> pintu ni sebelum akhir bulan.
27	Tegak	Cokeng	Poh palih, semangat benor aok ni. <b>Mencokeng</b> bendera depan rumoh.
28	Tidak ambil peduli	Cakner	Sebab pagi tadi kawan lupa gosok baju gi keje, lalu mok kawan kata bebudok sekarang ni tok <b>cakner</b> langsung.

No.	Bahasa Melayu	Dialek Pekan	Contoh ayat
29	Sipi	Cope	<b>Cope</b> ngat aok buboh gelaih tu, pecok kang baru aok tau.
30	Sempat	Dan	Laponye perut kawan, tok <b>dan</b> nak makan tadi.
31	Sudah	Doh	Aok <b>doh</b> mandi ke belum ni? Melantong je baunye.
32	Suam-suam kuku	Dedor	Badan aok ni <b>dedor</b> lagi, tak yah la gi sekolah esok.
33	Kayuh basikal	Gohek	Bakpe la aok <b>gohek</b> basikei ni pelahei benor, kul bape nak sampei kalau gini.
34	Kacau air	Godei	Aok tolong <b>godei</b> ket air ni, bior gule dia hancur.
35	Hingar-bingar	Goge	Ada pesta mende kat bandor tu, <b>goge</b> dengar sampai ke rumah.
36	Selimut	Gebor	Karang nak tido jangan lupe ambik <b>gebor</b> dalam gobok.
37	Sental dengan kuat	Gonyoh	<b>Gonyoh</b> kuat sket kualiti tu bior sampei berkilat.
38	Geli, meluat	Getik	<b>Getik</b> benor koi nengok anak Pak Tam tu.
39	Agaknya	Gamoknye	<b>Gamoknye</b> kul bape aok nak bertolak esok?
40	Ikut kamu la	Gasok	<b>Gasok</b> aok la nak gi ke tak. Kawan malaih nak masuk campur.
41	Almari	Gobok	Kok Siah baru beli ke <b>gobok</b> dalam bilik tu?
42	Bagaimana	Guane	<b>Guane</b> aok nak memujuk aok nye makwe?
43	Pengotor	Habat/habad	<b>Habat</b> tul aok ni, gi basuh tangan tu!

No.	Bahasa Melayu	Dialek Pekan	Contoh ayat
44	Beg plastik	Jabir	Hulur kek <b>jabir</b> tu, kawan nak taruk buah ni.
45	Jenis	Jenih	Aok ni <b>jenih</b> memilih tul la, sebab tu aok tak kawin-kawin.
46	Puas	Jenuh	<b>Jenuh</b> kawan nunggu aok, lama benor bersiap.
47	Satu perbuatan yang di lakukan ketika seseorang demam dengan mengambil air menggunakan telapak tangan dan mengusap di ubun-ubun.	Jelun	Aok kene <b>jelun</b> anak aok tu, panas badan dia tu.
48	Saya	Koi, kawan	<b>Koi</b> /Kawan suke Wan.
49	Menangis yang terlampau	Kerang	Aok wat mende kat adik aok sampai <b>kerang</b> nangis budak ni.
50	Sekejap lagi	Karang	<b>Karang</b> koi sampai la.
51	Menipu dalam permainan	Kelat/mengelat	Kawan tak nok main ngan aok dah. Aok suke main <b>mengelat</b> .
52	Kuat menangis	Kememe	Cemuih tul koi ngan aok ni. <b>Kememe</b> benor!
53	Menunjukkan sesuatu yang banyak/ramai	Kuit/menguit	Abang tak moh la gi Pekan Fest, <b>menguit</b> orang kat sane. Rimas di buatnya.
54	Gomol	Komoih	Jangan le <b>komoih</b> budak tu nak tido weh.
55	Membelek	Kobek	Mende tu aok baru beli, jangan la di <b>kobek-kobek</b> , kang rosak pulak.
56	Upaya	Kederat	Meh la tolong tolak kete ni, nak kene guna <b>kederat</b> banyak, koi ni sorang je.

No.	Bahasa Melayu	Dialek Pekan	Contoh ayat
57	Cerek	Kendi	Aok ni <b>kendi</b> pun tak kenal
58	Kerusi	Kusi	Bale aok, dok atas <b>kusi</b> sampai patah.
59	Jarak masa	Lat	<b>Lat</b> dua tiga hari lagi koi datanglah ambik aok kat umoh.
60	Suka hati kamu	Lantak aok	<b>Lantak aok</b> la nak jadi pe, kawan malaih nok ngabor apa-apa dah..
61	Digunakan untuk buah labu sahaja	Lehet	Guane aok masak labu ni? <b>Lehet</b> je rasenye.
62	Pekat	Ledut	<b>Ledut</b> benor aok cakap kelantan yek? Tok paha kawan.
63	Basah (lencun)	Lejut	Adik, aok tak bawok payung ke sampai <b>lejut</b> baju aok kene hujan?
64	Digunakan dalam situasi ketika orang lain tidak menyedari akan perbuatan seseorang	Pantang lepe	Aok ni, <b>pantang lepe</b> hilang aje.
65	Becak	Lecoh	Ani, mok suruh masok umoh, jangan main <b>lecoh</b> tu!!!
66	Bercakap dalam intonasi perlahan yang menyebabkan sebutan tidak jelas	Leweh	Aok jangan cakap <b>leweh</b> ngat, nanti koi tak paha.
67	Bersepah atau berterabur	Lembang	Mok dah lipat baju ni elok-elok, aok jangan <b>lembang</b> pulok baju-baju ni.
68	Mari	Moh	<b>Moh</b> la kite beransur dulu. Pasni nok gi umoh Siti pulok.

No.	Bahasa Melayu	Dialek Pekan	Contoh ayat
69	Emak	Mok	<b>Mok</b> nok gi pasor ni. Aok dok umoh jaga adik.
70	Menggelupur	Mengelice	Aok ni tak reti dok diam ke? <b>Mengelice</b> je dari tadi.
71	Buah tembikai	Menikei/ kenikei	Kawan nok air jus <b>menikei</b> . Aok nok air mende?
72	Bercakap macam nak tak nak	Melewah	Aok ni cakap <b>melewah</b> je. Aok tak suke ke kawan tanye pasal masalah aok?
73	Tidur	Mereloh	Aok ni tak de keje lain ke? <b>Mereloh</b> je!
74	Mengada-ada seksi	Mengelentat	Anok maccik tu <b>mengelentat</b> je tak tentu hala. Getik kawan nengoknye.
75	Amat wangi	Merohong	Pah palih! Mentang-mentang nok gi jumpe pakwe, <b>merohong</b> bau minyak wangi.
76	Amat busuk	Melantong	Adam, aok gi buang sampah kat dapur tu. Dah <b>melantong</b> baunye.
77	Rambut tidak terurus	Merebang/ mengerebang	Aok ni Milah tak reti nak sikat rambut ke? <b>Merebang</b> je.
78	Benda yang nak pecah (bulat)	Merening	Dah <b>merening</b> belon tu. Jangan tiup doh. Kang pecah plok.
79	Tidak tentu hala	Meraban	Aok ni <b>meraban</b> je. Mende kat tempat lain, aok cari kat tempat lain. Patut la dok jumpe.
80	Pergerakan badan	Menggeledeng	Bakper <b>menggeledeng</b> ngat ni?

No.	Bahasa Melayu	Dialek Pekan	Contoh ayat
81	Amat masam	Masam mencekut	Tak larat kawan nak mengabiskan mempelam ni. <b>Masam mencekut</b> .
82	Tangan tidak duduk diam	Mengopeh	Aok jangan <b>mengopeh</b> kat umoh orang nanti, buat malu mok je.
83	Jalan dalam semak tanpa tujuan	Merepau	Aok jangan suke-suke <b>merepau</b> , kang kene gigit dek lipan , baru aok tau.
84	Tangan tidak duduk diam	Mengoteh, meroteh	Ain, aok ni <b>mengoteh</b> je kejenye. Abih rosak meja tu
85	Amat manis	Manis meletin	Sape la yang buat air ni? <b>Manis meletin!!</b>
86	Tubuh berbaring dalam keadaan bengkok	Mengekot	Sejuk ngat ke abang aok ni? Sampai <b>mengekot</b> tidonye.
87	Benda jatuh dalam jumlah yang banyak atau berat	Mencelabak	Tu la, mok dah kata, bawok mende tu sikit-sikit. Kan dah <b>mencelabak</b> jatuh.
88	Amat laju (lari)	Mencanak	Tadi kawan nampak pak belang mase koi gi motong. Ape lagi, <b>mencanak</b> koi lari.
89	Malas	Malaih	<b>Malaihnye</b> kawan nok gi sekolah ari ni.
90	Penuh	Mombong	Aok jangan buboh buah ni sampai <b>mombong</b> kat dalam jabir koi tu. Tak ghut koi nok bawok nanti.
91	Telekung	Mengkane	Nok gi sugha nanti jangan lupe bawok <b>mengkane</b> .
92	Rimas	Mamun	<b>Mamun</b> betoi la kawan ngan aok ni. Menangis je dari tadi.
93	Menghilir	Ngilir	Kawan nok gi <b>ngilir</b> jap petang ni. Nok gi nengok jala.

No.	Bahasa Melayu	Dialek Pekan	Contoh ayat
94	Kelapa	Nyiur	Abohnya nanti tolong kait ket buah <b>nyiur</b> muda. Anok aok nok minum air nyiur.
95	Pening	Oteing	<b>Oteing</b> paler kawan nak buat mende ni!
96	Reaksi seseorang kepada situasi yang tidak dijangka.	Pah palih	<b>Pah palih</b> , biar benor aok ni Leman, dah macam omputih koi nengoknye.
97	Sumbat	Podok	Kadir, kalau tok muat jugek aok <b>podok</b> je la baju tu dalam beg ni.
98	Makan dengan gelojoh	Polok	Makan tu elok-elok sket, jangan main <b>polok</b> je.
99	Bedak	Podar	Aok taruk mane <b>podar</b> tadi?
100	Kawan	Rodong/ ghodong	<b>Rodong</b> aok ni asal mane?
111	Rosak (untuk selipar)	Rabit	Selipar kawan ni dah tak boleh pakai lagi, dah <b>rabit</b> sebelah.
112	Khusyuk	Ralit	<b>Ralit</b> beno aok nengok tv, nengok cite mende?
113	Harga	Rege	Bape <b>rege</b> ikan ni sekilo?
114	Senget sebelah	Rebeh	Gobok tu mok nak suruh ayoh aok bela, dah <b>rebeh</b> kakinya.
115	Serabut, tak kemas, tak seperti keadaan asal	Seronyih	Habis <b>seronyih</b> kawan punye meja, sape punye keje la ni, kalau kawan dapat kawan bahan cukup-cukup.
116	Syiling	Senghelen	Sape ada <b>senghelen</b> ? Kawan nak tukor koi nak talipon mok.
117	Kotoran di badan	Sempelet	Gi la mandi cepat, badan tu dah ber <b>sempelet</b> dengan lumpur.

No.	Bahasa Melayu	Dialek Pekan	Contoh ayat
118	Kenyang yang teramat sangat	Se'eh	<b>Se'ehnya</b> perot kawan ni. Rase macam tok leh nok bangun doh!
119	Selalu	Sokmo	<b>Sokmo</b> nye kawan yang kena buat. Pemalas betul budak nie!
120	Badi	Seiman	Aok tak leh gi melawat orang meninggal, nanti terkena <b>seiman</b> plok.
121	Tidur sekejap sangat	Sekeceng	Aok ni memekak tul la, koi dapat tido <b>sekeceng</b> je.
122	Letak	Taruk	<b>Taruk</b> sayur ni dalam peti aih.
123	Situasi di mana seorang individu menafikan pernyataan individu lain yang mengatakan sesuatu itu tidak wujud sedangkan ianya wujud	Takdok kebendeye	<b>Takdok</b> kebendeye, cube aok cari betul-betul.
124	Amat tawar	Tawor hebe	Bakpenye air ni <b>tawor hebe</b> ? Gule habis ke?
125	Cetek	Tohor	Mandi kat tempat yang <b>tohor</b> , jangan gi tempat yang dalam, lemas karang.
126	Jatuh tersembam, tersungkur	Tertomoih	Jangan berlari, kang <b>tertomoih</b> lak.
127	Lembab	Tembe	Cubela ceregas sket, jangan <b>tembe</b> sangat.
128	Tidak	Tok	Bakpe aok <b>tok</b> gi keje ari ni?
129	Tidak larat	Tak ghut	Tok ni dah tua, <b>tak ghut</b> nak ngangkat bende berat.
130	Tudung saji	Tudung sangei	Ambik <b>tudung sangei</b> tu gi tutup lauk kang masuk lalat pulok.